

## **BN bidas kerajaan negeri**

### **Utusan Online**

**17 Julai, 2012**

**Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD dan ABDUL RAZAK IDRIS**

KUALA LUMPUR 16 Julai - Barisan Nasional (BN) hari ini membidas sikap tidak bertanggungjawab kerajaan Selangor yang diterajui Parti Keadilan Rakyat (PKR) kerana mahu mengambil alih pengurusan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas).

Koordinator BN Selangor, Datuk Seri Ir. Mohd. Zin Mohamed berkata, seharusnya dalam keadaan sekarang kerajaan Selangor menerima hakikat bahawa negeri tersebut kini berdepan masalah air yang semakin kritikal.

Katanya, ia telah diakui oleh Syabas sendiri serta beberapa pihak lain.

"Apa yang mereka hendak pertikaikan lagi? Ini bukannya masa untuk mencuba nasib atau bermain politik. Isu air melibatkan kesejahteraan rakyat.

"Apa jaminan kerajaan negeri yang isu air akan selesai sekiranya kerajaan negeri mengambil alih Syabas?" soalnya dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kerajaan PKR Selangor hari ini mahu mengambil alih pengurusan Syabas dalam tempoh 14 hari selepas didakwa tidak mampu memberi perkhidmatan air yang baik kepada pengguna.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, keputusan itu diambil menggunakan kuasa di bawah Klausula 32 dalam perjanjian konsesi.

Sementara itu di Kuala Langat, Mohd. Zin berkata, kerajaan negeri perlu dipersalahkan sekiranya krisis air yang mula melanda Lembah Klang terus meruncing hingga menyebabkan catuan mungkin terpaksa dilakukan oleh pihak Syabas.

Beliau berkata, ini kerana sikap berdolak-dalik Abdul Khalid untuk mengeluarkan arahan pembangunan Loji Rawatan Air Sungai Langat 2 (Langat 2) menyebabkan catuan air bakal dilakukan.

"Kita telah banyak kali memberi peringatan kepada kerajaan negeri untuk menyegerakan pembinaan Langat 2, namun sikap berdegil dan berdolak-dalik menteri besar untuk meneruskan projek tersebut menyebabkan krisis air yang dibimbangi sudah bermula.

"Jika krisis air berterusan dengan 23 kolam takungan rawatan mencatatkan sehingga satu peratus simpanan atau bacaan defisit, catuan air mungkin jadi kenyataan," katanya.

Menurut Mohd. Zin, krisis air adalah satu fakta yang sahih kerana sehingga kini hampir 130 syarikat yang terlibat dengan industri pembuatan termasuk syarikat air minuman di Lembah Klang sudah dan bercadang membuat permohonan untuk berpindah ke lokasi lain akibat krisis air yang mula melanda sejak April lalu.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120717/po\\_03/BN-bidas-kerajaan-negeri](http://www.utusan.com.my/utusan/Politik/20120717/po_03/BN-bidas-kerajaan-negeri)